



UCAPAN PERHIMPUNAN BULANAN PERINGKAT IBU PEJABAT

JULAI 2015

Oleh

YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

DEWAN SUTERA

JUMAAT, 31 JULAI 2015

“CEPAT DAN MESRA”

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat petang, salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis,

YAS Dato' Soiman Bin Jahid,

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj Amer bin Hj Yusof,

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YS PPjB Hj Zainuddin Bin Md Alip,

Memangku, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan

Dan Penyelidikan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Selaku penganjur Perhimpunan Bulanan Kali Ini

YS Penolong-penolong Ketua Pengarah

Pegawai-Pegawai Kanan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Sebelum saya memulakan ucapan, marilah kita bersama-sama membaca Al-Fatihah untuk di sedekahkan kepada arwah PPgB Zainol Abidin bin Dan yang bertugas di Zon Shah Alam, yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya di Lebuhraya Elite ketika pulang daripada kerja. Al-Fatihah...

2. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan Perhimpunan Bulanan Peringkat Ibu Pejabat bagi Bulan Julai 2015.

3. Terutama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Perancangan Dan

Penyelidikan yang telah berusaha bagi menjayakan majlis pada petang ini.

4. Dikesempatan ini juga, belum terlambat kiranya saya dan keluarga untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1436H kepada Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Di sini, saya bagi pihak jabatan ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada pegawai-pegawai jabatan yang telah bertugas pada Hari Raya yang lalu. Ramai di antara pegawai-pegawai kita, terpaksa melupakan kegembiraan menyambut hari raya bersama keluarga tersayang dan bertugas di hari raya. Kegembiraan yang mereka lepaskan ini digantikan dengan pengorbanan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan insan-insan yang tidak mereka kenali. Tetapi, hati mereka ini amat cekal dan tabah serta menerima tugas ini sebagai suatu amanah dan tanggungjawab dalam hidup mereka.

6. Skop tugas mereka ini tidak hanya tertumpu pada bidang operasi penyelamatan dan pemadaman sahaja. Rondaan Keselamatan Di Jalan Raya dilakukan di lebuhraya, jalan-jalan persekutuan dan tempat-tempat yang sering berlakunya kemalangan. Rondaan ini bertujuan memantau pergerakan trafik dan tindakan cepat jika berlaku *road traffic accident*. Pegawai-pegawai juga telah pergi ke premis-premis perniagaan seperti *supermarket* dan *hypermarket* bagi tujuan pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran bagi memastikan aspek keselamatan sentiasa terpelihara. Dengan tindakan-tindakan ini, kemalangan atau kecelakaan dapat dikurangkan.

7. Terdapat juga Pegawai-pegawai Kanan jabatan yang ditugaskan di Pusat Pengurusan Operasi (PPO) di Ibu Pejabat Putrajaya dan Pusat Gerakan Operasi (PGO) di Ibu Pejabat Negeri-negeri di sepanjang musim perayaan ini. Mereka juga bertanggungjawab untuk memimpin, merancang dan memantau jika terjadinya sesuatu bencana dan operasi besar pada musim perayaan ini. Penempatan mereka di PPO dan PGO ini bagi memastikan tugas-tugas pengoperasian dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun. Pegawai-pegawai Kanan ini juga turut melakukan naziran ke balai-balai bomba bagi memberi semangat

dan menyampaikan ucapan terima kasih jabatan terhadap pengorbanan mereka.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Pada tanggal 20 Julai 2015, bersamaan 4 Syawal 1436H kita dikejutkan dengan berita pemergian salah seorang pegawai jabatan iaitu mendiang PB Apolos Jeremos yang telah terkorban akibat renjatan elektrik, sewaktu operasi pemadaman kebakaran api belukar di Taman Kenari, Batu 7, Sandakan, Sabah. Kebakaran yang melibatkan kawasan belukar seluas 3 hektar, jika pemadaman tidak dilakukan dengan pantas akan menyebabkan kemerebakan ke kawasan perumahan setinggi berhampiran yang pastinya akan menyebabkan kemusnahan yang lebih besar.

9. Mendiang PB Apolos yang bertindak sebagai *nozzleman* telah terkena renjatan elektrik yang berpunca dari penyambungan haram oleh pihak tidak bertanggungjawab. Jabatan merasa kesal dengan tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab yang membuat penyambungan haram elektrik ini yang telah mengakibatkan pegawai jabatan yang ingin menyelamatkan nyawa dan harta awam terkorban.

10. Mendiang Apolos, berusia 25 tahun adalah pegawai bomba di Balai Bomba Dan Penyelamat Sandakan, Sabah. Mula mencurahkan bakti kepada jabatan dan rakyat pada 5 September 2011. Walaupun baru di jabatan, beliau merupakan seorang pegawai bomba yang berdedikasi dan sangat komited sehingga layak dan telah diserapkan kedalam pasukan STORM. Mendiang juga adalah salah seorang penyelamat yang ditugaskan sewaktu Ops Gempa Bumi di Ranau baru-baru ini. Pemergian mendiang merupakan suatu kehilangan yang amat dirasai oleh Jabatan ini terutamanya Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Sabah.

11. Jabatan akan melakukan usaha yang terbaik bagi menghargai pengorbanan mendiang yang terkorban sewaktu bertugas. Usaha jabatan ini tidak secara sendirian, malahan disokong sepenuhnya oleh YB Menteri KPKT dan pengurusan tertinggi Kementerian. Sebagai titik permulaan, suatu majlis penyerahan sumbangan kepada balu mendiang yang sedang sarat mengandungkan anak sulong mendiang, akan dilakukan oleh YB Menteri KPKT pada 4 Ogos 2015 di Sandakan, Sabah. Beberapa usaha berkaitan kebajikan balu beliau dan penganugerahan pingat jabatan serta kenaikan pangkat kepada mendiang sedang dilakukan oleh jabatan. Malahan, tindakan ini bukan sahaja dibuat kepada kes ini tetapi akan dipanjangkan

kepada mana-mana kes yang berkaitan dan kepada semua pegawai jabatan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Di bulan yang mulia ini, kita lupakan sebentar kesedihan yang telah melanda jabatan. Suka kiranya saya menyentuh sedikit berkaitan Pusat Penyelidikan Kebombaan atau PUSPEK yang bertempat di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Walaupun PUSPEK berada jauh dari mata saya, tetapi ia sentiasa berada di dalam minda saya.

13. Untuk makluman Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, PUSPEK telah selamat dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan pada 11 Disember 2014.

14. PUSPEK terdiri daripada sebuah bangunan utama iaitu bangunan pentadbiran dan 2 buah makmal menempatkan Bank HALON dan Makmal Ujian Kebakaran telah menelan belanja hampir RM23 juta dan bertujuan membuat penyelidikan dan kajian berkaitan kebombaan. Perolehan peralatan bagi tujuan ujian dan penyelidikan telah dibuat pada Tahun 2014 dan 2015 dengan nilai hampir RM2.4 juta.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Salah satu skop tugas di PUSPEK juga adalah menyediakan fasiliti bagi syarikat-syarikat atau pembekal-pembekal peralatan kebombaian mengadakan taklimat dan membuat demonstrasi bagi produk-produk mereka. Pada tahun 2014 sahaja sebanyak 36 syarikat dan pembekal telah mengadakan taklimat dan demonstrasi, manakala bagi tahun ini sehingga Julai 2015 sebanyak 25 syarikat dan pembekal telah melakukan perkara yang sama. Satu laporan penilaian akan diserahkan kepada saya hasil dari taklimat dan demonstrasi ini yang mana semasa sesi taklimat dan demonstrasi, wakil dari setiap bahagian akan hadir bagi menilai produk-produk tersebut.

16. PUSPEK melangkah ke hadapan dengan membuat MoU dengan beberapa universiti tempatan bagi tujuan kajian atau program berkaitan kebombaian. Antara universiti-universiti tersebut ialah Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beberapa kerjasama bersama jabatan dan agensi kerajaan juga telah diterokai bagi tujuan yang sama dan antara agensi dan jabatan yang terlibat adalah Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Perhutanan Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

17. Hasil dari perjanjian dan kerjasama dari universiti tempatan ini beberapa kajian sedang dan akan dilakukan bagi tujuan penambahbaikan pengetahuan, amalan, kefahaman dan situasi subjek kebombaan yang dikaji. Antara kajian yang sedang dilakukan adalah, Penyelidikan Status Kesihatan Dan Tekanan Oksidatif Dan Hubungkait Antara Obesiti, Tekanan Pekerjaan Dan Kadar Kecederaan dan Kajian *Tunnel* Oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Manakala kajian '*Human Behaviour During Fire*', kajian ketahanan elemen struktur terhadap kebakaran dan kajian penentuan lokasi efektif bagi pemasangan alat pengesan kebakaran di rumah kediaman sedang dilaksanakan oleh Universiti Malaya. Dalam melancarkan urusan kajian-kajian ini, bantuan penuh telah diperolehi daripada Bahagian Operasi Dan Penyelamat dan Bahagian Penyiasatan Kebakaran. Hasil kajian-kajian ini akan didokumentasikan dan dijadikan garis panduan dalam amalan jabatan bagi tujuan keselamatan kebakaran pada masa hadapan.

18. Hasil dari kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan, berapa kajian dan program telah dilancarkan. Antaranya adalah kajian ketahanan dan integriti elemen struktur bangunan selepas kebakaran bersama Agensi Nuklear Malaysia, kajian api gambut bersama Jabatan Perhutanan dan Universiti Malaya dan '*working*

group' bagi mewujudkan piawaian penggunaan gas *hydrocarbon* sebagai *referigrant* bagi sistem penghawa dingin bersama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, MASHRAE dan pembekal-pembekal sistem penghawa dingin.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

19. Kerajaan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome telah mengarahkan setiap agensi dan badan kerajaan membuat laporan bagi mengukur prestasi dan pencapaian projek pembangunan yang telah dilaksanakan. Penilaian outcome digunakan sebagai alat untuk mengukur kesan projek pembangunan yang telah siap dan digunakan kepada golongan sasaran daripada aspek sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar. PUSPEK dibantu oleh Bahagian Pembangunan telah diamanahkan bagi menyediakan laporan ini untuk dibentangkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Pada tahun 2014, 2 kajian penilaian outcome telah dibentangkan dengan jayanya iaitu Kajian Penilaian Outcome Balai Bomba Dan Penyelamat Hang Tuah dan Kajian Penilaian Outcome Bangunan Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya. Bagi tahun ini, 5 lagi Kajian Penilaian Outcome

perlu dibentangkan iaitu Kajian Penilaian Outcome Perkhidmatan Udara, Kajian Penilaian Outcome Perolehan 50 Buah Pam Angkut, Kajian Penilaian Outcome Perolehan 10 Buah Kenderaan Penyiasatan Kebakaran dan Kajian Penilaian Outcome Balai Bomba Dan Penyelamat Nenasi, Pahang.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

20. Pada 1 Mac 2000, secara rasminya pengurusan Bank HALON Malaysia telah berpindah daripada Sukaida Engineering Sdn. Bhd. kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia setelah tamatnya konsesi syarikat tersebut. Bank HALON telah ditempatkan di Akedemi Bomba Kuala Kubu Bharu, Selangor sejak dari itu. Dengan siapnya kemudahan di PUSPEK, pengurusan bank HALON telah dipindahkan secara rasminya kepada PUSPEK bermula 11 Disember 2014 beserta semua tangki-tangki dan peralatannya. Jumlah halon terkumpul sehingga Julai 2015 adalah sebanyak 365,467kg bagi HALON 1301 dan 8,758kg bagi HALON 1211. Pembekalan dan jualan gas HALON adalah hanya kepada '*essential users*' sahaja yang mana mendapat kebenaran dari Bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Sumber Asli dan Alam

Sekitar. Hasil jualan gas HALON ini dimasukkan kedalam Akaun Amanah Pelupusan Bank HALON.

21. Bank HALON telah merancang beberapa program pada masa hadapan bagi memantapkan lagi pengurusan gas HALON di Malaysia, seperti mendaftar semula semua premis yang masih menggunakan gas HALON, mengemaskini jumlah gas HALON yang masih belum dilupuskan atau diserahkan, menganjurkan program kesedaran mengenai perlunya pelupusan gas HALON yang menipiskan lapisan ozon, menguatkuasa dan memantau penggunaan gas HALON diseluruh negara dan menyediakan khidmat nasihat kejuruteraan dan latihan berkaitan gas HALON dan '*ozone depleting substance*'.

22. Perkara-perkara yang saya nyatakan tadi adalah secebis diantara program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan di PUSPEK. Banyak lagi aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan didalam proses implimentasi.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

23. Seperti kita sedia maklum, pemberian gaji bagi bulan Julai telah dilakukan awal bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Manakala, pemberian gaji bagi bulan Ogos adalah

seperti tarikh biasa iaitu dihujung bulan. Tempoh pemberian gaji bagi bulan Julai dan Ogos ini adalah lama dan diisi dengan perayaan. Oleh yang demikian, saya ingin menasihatkan warga jabatan supaya lebih berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah. Jangan diikuti perasaan yang mana tindakan ini akan menyusahkan diri sendiri dan keluarga.

24. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan atas penganjuran majlis ini. Bersempena dengan bulan Syawal dan sambutan Hari Raya Aidilfitri ini, ingin saya menyampaikan 2 rangkap pantun sebagai bekalan Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan dalam menjalankan amanah jabatan kepada rakyat:

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Jangan Banyak Makan, Jagalah Kesihatan Diri...

Teruslah berlari dan jangan berhenti

Jika terjatuh, bangkitlah dan teruskan berlari lagi..

Hari Raya hari kemaafan

Lupakanlah segala persengketaan...

Tingkatkan kemahiran dengan latihan

Latihan Berterusan adalah kunci kesempurnaan..

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu,Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Ref-desktop/julai2015/jamri